



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (84)

SIARAN MEDIA

PULAU PINANG TERAJUI PENGELUARAN SIAKAP AKUAKULTUR, TEKANKAN PEMATUHAN MYGAP

NIBONG TEBAL, 21 Julai 2026 – Pulau Pinang menyumbang sebanyak 77 peratus daripada keseluruhan pengeluaran siakap akuakultur negara pada tahun 2025 dengan jumlah pengeluaran sebanyak 44,596.46 tan metrik bernilai RM562.51 juta.

Ketua Pengarah Perikanan, YBhg. Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata, kedudukan Pulau Pinang sebagai penyumbang utama pengeluaran siakap negara perlu disokong dengan amalan penternakan yang baik, termasuk pematuhan kepada Amalan Akuakultur Baik (MyGAP), pengurusan antibiotik secara berhemah serta pelaksanaan biosekuriti ladang.

"Pematuhan kepada MyGAP, pengurusan antibiotik secara berhemah dan kawalan biosekuriti merupakan aspek penting dalam memastikan hasil akuakultur yang dikeluarkan selamat, berkualiti serta memenuhi keperluan pasaran," katanya ketika menyampaikan amanat pada Sesi Libat Urus Amalan Akuakultur Baik (MyGAP) dan Pengurusan Antibiotik Dalam Industri Akuakultur di Pulau Pinang hari ini.

Berdasarkan rekod Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), jumlah pengeluaran siakap negara pada tahun 2025 adalah sebanyak 58,221.38 tan metrik bernilai RM755.27 juta. Jumlah pengeluaran siakap Pulau Pinang meningkat berbanding tahun 2024 apabila negeri tersebut merekodkan 39,690.39 tan metrik bernilai RM489.55 juta, iaitu kira-kira 65 peratus daripada keseluruhan pengeluaran siakap akuakultur negara. Peningkatan ini menunjukkan pertambahan sebanyak 12.36 peratus dari segi pengeluaran dan 14.90 peratus dari segi nilai pengeluaran berbanding tahun sebelumnya.

Selain pengeluaran siakap, Pulau Pinang turut merekodkan jumlah pengeluaran akuakultur sebanyak 54,767.3 tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak RM1.14 bilion pada tahun 2024.

Berdasarkan data DOF, terdapat 105 pengusaha ternakan siakap kolam di Seberang Perai yang terdiri daripada 93 pengusaha di Seberang Perai Selatan (SPS), 11 pengusaha di Seberang Perai Tengah (SPT) dan seorang pengusaha di Seberang Perai Utara (SPU). Selain itu, seramai 17 pengusaha ternakan udang putih dan udang harimau turut beroperasi di kawasan berkenaan.


Dalam perkembangan berkaitan eksport, DOF sedang membuat persediaan menghadapi pemeriksaan teknikal di lapangan oleh Jabatan Perikanan Thailand (DOFT) berkaitan keperluan eksport produk akuakultur Malaysia ke Thailand.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Persediaan tersebut melibatkan kerjasama semua pihak berkuasa kompeten (CA), iaitu DOF, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bagi memastikan aspek biosekuriti, pengurusan antibiotik, sistem kebolehkesanan produk serta pematuhan piawaian keselamatan makanan dipenuhi.

Pengurusan penggunaan antibiotik dalam industri akuakultur dilaksanakan melalui peruntukan di bawah Akta Perikanan 1985 [Akta 317] serta peraturan dan kaedah yang dibuat di bawahnya, termasuk Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat). Penggunaan ubat veterinar di peringkat pengeluaran pula dikawal oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 [Akta 698].

DOF akan terus menjalankan pemantauan dan memberi bimbingan kepada pemain industri bagi memastikan pengeluaran akuakultur negara memenuhi keperluan keselamatan makanan, pasaran eksport serta kepentingan pengguna.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my